UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN

## UITM CAWANGAN PERLIS



# LAPORAN TAHUNAN 2024

PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS





# PENAFIAN

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH), Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang dialami kerana menggunakan atau mengakses mana-mana maklumat, perkhidmatan dan perkara-perkara lain yang diperoleh dari laporan ini.

Mana-mana bahagian dalam laporan ini yang ingin diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk hendaklah mendapat keizinan daripada Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan terlebih dahulu. Laporan tahunan akan diterbitkan secara tahunan / setahun sekali.

Terbitan Pertama 2024
eISSN : 3093-8422
© Hak Cipta Universiti Teknologi MARA, 2024

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Perlis

No Telefon:
04 988 2056 | Perkhidmatan Konsultasi
04 988 2057 | Komunikasi Korporat
Laman Web: https://library.uitm.edu.my/perlis



# SIDANG REDAKSI


**EDITOR**
**Mohd Fahizan Bin Hamid**
Timbalan Ketua Pustakawan

**KETUA PENULIS**
**Nur Hayati Binti Abdul Satar**
Pustakawan Kanan

**PENULIS**
**Khairil Izwan Bin Hassan**
Pustakawan
**Nor Azrina Binti Kasim**
Pustakawan
**Abd Aziz Bin Zainol**
Pembantu Pustakawan Tertinggi
**Siti Nur Shuhada Binti Hairol Nizam**
Pembantu Pustakawan

**REKA GRAFIK**
**Muhammad Azri Bin Rodzi**
Pembantu Pustakawan

**SUMBER MAKLUMAT**
Unit Pengurusan Perpustakaan
Unit Sumber Rujukan Universiti
Unit Perkhidmatan Perpustakaan
Unit Perpustakaan Digital
Unit Arkib Universiti

# ISI KANDUNGAN


PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN

PROFIL PERPUSTAKAAN 1-5

- Sejarah
- Dasar, Misi & Objektif Perpustakaan
- Piagam Pelanggan & Objektif Kualiti
- Carta Organisasi
- Pengurusan Perpustakaan

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN 6-20

- Perancangan Strategik Perpustakaan 2024
- Pembangunan Sumber Manusia
- Pengurusan Latihan Staf
- Pengurusan Latihan Industri
- Pengurusan Kewangan
- Kemudahan Perpustakaan
- Audit Akreditasi
- Audit EKSA
- Belasungkawa
- Inovasi
- Syabas & Tahniah

PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI 21-23

- Perbelanjaan Perolehan
- Perolehan Bahan
- Niche Collection

# ISI KANDUNGAN

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN 24-78

- Kelas Kemahiran Maklumat (Information Literacy Class)
- Sesi Libat Urus Bersama Fakulti (Meet & Greet)
- Kerjasama Pengajaran (Collaborative Teaching)
- Orientasi Perpustakaan
- Khidmat Nasihat Dan Rujukan
- Sokongan Penyelidikan
- Program Bimbingan Sokongan Penyelidikan
- Semakan Verifikasi Rekod Penerbitan Di Prime
- Pembudayaan Ilmu
- Pameran Perkhidmatan
- Program Pendidikan Pengguna
- PDJH Open Day 2024
- Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail PRJ & PTRJ
- MyKM Tour
- Kunjugan Hormat Majlis Pewakilan Pelajar (MPP) Sesi 2024/2025

PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN 79-82

- My Knowledge Management
- Bilangan Muat Naik Bahan Harta Intelek
- Bilangan Pengguna Laman Web Perpustakaan
- Bilangan Pengguna Mobile App

REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI 83-101

- Perlantikan Pengurus Rekod
- Sesi Libat Urus Arkib
- Bengkel Pelan Bencana Tindakan Rekod
- Pameran Imbas Kenangan 50 tahun UiTM Cawangan Perlis
- Bengkel Asas Penjilidan
- Memori UiTM Cawangan Perlis
- Tatacara Permohonan Penjilidan Bahan

# ISI KANDUNGAN

**LAWATAN** 102-103

Lawatan Sekolah Ke Perpustakaan Dato Jaafar Hassan

**KOLABORASI** 104-105

Pameran Seni Fotografi "Reflection"

Program Percambahan Minda Pengurusan Dan Pemasaran Perniagaan

**PENERBITAN** 106-107

Poster New Arrival

Poster PDJH Pick E-Book

**AKTIVITI STAF** 108-119

Program Semarak Qurban UiTM Cawangan Perlis 2024

Kuiz Trivia Jubli Emas UiTM Cawangan Perlis

Kejohanan Sukan Utara Staf UiTM (KeSUTRA) 2024

Majlis Hi Tea Kemuncak Sambutan Jubli EMas UiTM Cawangan Perlis

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan antara Pilihan Rektor dan Pilihan Pelajar

Sambutan Kemuncak Jubli Emas UiTM Cawangan Perlis

Program Persembahan Maal Hijrah

UniFITness Explorace Jubli Emas UiTM Perlis

Kunjugan Hormat Ke Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perlis

Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail

Karnival Sukan Pewani SeMalaysia 2024

Lawatan PENANDA ARAS ke Penang Digital Library

Teambuilding UiTM Perlis

**KERATAN MEDIA** 120-121

Artikel - Dewan Kosmik

Artikel - Dewan Budaya

# Perutusan
## KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



"

Perpustakaan UiTM kini berperanan lebih luas, tidak lagi hanya menyediakan bahan rujukan tetapi sebagai pencetus pembudayaan ilmu melalui program-program seperti literasi maklumat, kolaborasi pengajaran dan khidmat masyarakat yang disampaikan melalui gabungan teknologi terkini bagi menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan di universiti.

Perkhidmatan perpustakaan kini dihujung jari dan lebih *personalized* yang membolehkan pengguna mendapatkan akses kepada pelbagai maklumat hanya melalui satu *log in* sahaja.

**MOHD FAHIZAN HAMID**
Timbalan Ketua Pustakawan

TUNTUTLAH ILMU.
DI SAAT KAMU MISKIN, IA AKAN MENJADI HARTAMU.
DI SAAT KAMU KAYA, IA AKAN MENJADI PERHIASANMU.

-LUQMAN AL-HAKIM-

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974-2024

# PROFIL PERPUSTAKAAN




ACADEMIC HEIGHTS UiTM PERLIS

## **SEJARAH**
## *PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN*

Pada tahun 1975, perpustakaan diwujudkan bermula di salah sebuah pejabat di tingkat bawah bangunan rumah pengakap ini. Ianya menggunakan nama Perpustakaan Tun Abdul Razak. Hanya terdapat 200 naskah buku akademik di dalam dua buah rak sahaja ketika itu.






Pada tahun 1977, perpustakaan berpindah ke bangunan sementara blok-blok kayu yang terletak di kampus tetapnya di Arau. Ianya adalah sebidang tanah seluas 330 ekar dari peruntukan kerajaan negeri Perlis.

Fasa pertama pembangunan kampus seperti kemudahan kuliah dan asrama disiapkan pada tahun 1980. Bangunan perpustakaan yang hampir siap ini dibina dalam fasa kedua pembangunan kampus dan mula digunakan pada tahun 1985.

Pada Majlis Penamaan Perpustakaan ITM Cawangan Perlis dalam tahun 1985, Pengerusi Majlis ITM Dato' Mansor bin Othman telah mengisytihar dan menamakan perpustakaan ini sebagai Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan bagi mengenang jasa dan bakti Y.A.B Dato' Jaafar bin Hassan bekas Menteri Besar Perlis yang menjadi pendokong dan penggerak utama kepada penubuhan ITM di negeri Perlis.

# DASAR, MISI & OBJEKTIF
*PERPUSTAKAAN UITM*

## DASAR, MISI DAN OBJEKTIF
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

### DASAR

Dasar Perpustakaan UiTM adalah memenuhi matlamat pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademia industri & masyarakat, kepimpinan dan keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.

### MISI

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

### OBJEKTIF

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecemerlangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati.
- Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai format yang dapat diakses secara fizikal dan maya.
- Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelanggan.
- Memperkasakan modal insan melalui nilai ESI ( *Excellence, Synergy, Integrity* ) dalam kalangan warga UiTM.
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.

UiTM di hatiku

# PIAGAM PELANGGAN & OBJEKTIF KUALITI
*PERPUSTAKAAN UITM*






# **CARTA ORGANISASI**
## *PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN*



**Prof. Madya Dr Ahmad Nizan Bin Mat Noor**
REKTOR



**Mohd Fahizan Hamid**
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN



**Nur Hayati Abdul Satar**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN / UNIT SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI



**Mazlini Abdul Malik**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Sumber Rujukan Universiti



**Masyina Mansor**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Sumber Rujukan Universiti



**Sairul Nizar Saidin**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Sumber Rujukan Universiti



**Siti Nur Shuhada Hairol Nizam**
Pembantu Pustakawan
Unit Pengurusan Perpustakaan



**Muhammad Azri Rodzi**
Pembantu Pustakawan
Unit Pengurusan Perpustakaan



**Basir Bakar**
Pemb. Khidmat Awam
Unit Pengurusan Perpustakaan



**Khairil Izwan Hasan**
PUSTAKAWAN
UNIT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN / UNIT PERPUSTAKAAN DIGITAL



**Muhammad Nasrul Naim Haslin**
Pembantu Pustakawan Kanan
Seksyen Korporat & Kolaborasi



**Asneezam Ahmad**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Perpustakaan Digital



**Zuhairah Abdul Rahman**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Perkhidmatan Perpustakaan



**Nor Azrina Kasim**
PUSTAKAWAN
UNIT RUJUKAN / UNIT ARKIB



**Abd Aziz Zainol**
Pembantu Pustakawan Tertinggi
Unit Penyelidikan, Pembelajaran & Rujukan



**Farady Omar**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Penyelidikan, Pembelajaran & Rujukan



**Hamizah Sakri**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Arkib



**Nur Farahanim Abdull Jamal**
Pembantu Pustakawan
Unit Arkib



**Anis Zahira A. Rahman**
Pembantu Pustakawan Kanan
Unit Arkib



**Mohd Mohsim Othman**
Pembantu Pustakawan
Unit Arkib

## **PENGURUSAN**
## *PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN*



**Mohd Fahizan Hamid**

TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN



**Nur Hayati Abdul Satar**

PUSTAKAWAN KANAN



**Nor Azrina Kasim**

PUSTAKAWAN



**Khairil Izwan Hasan**

PUSTAKAWAN

"ILMU ADALAH CAHAYA PENYULUH DALAM KEHIDUPAN MANUSIA. DENGAN ILMU, IA DAPAT MEMBIMBING MANUSIA KE ARAH KEBAIKAN SERTA MENGELUARKAN DIRI MANUSIA DARIPADA KEGELAPAN DAN KEJAHILAN KEPADA CAHAYA DAN KEBENARAN."

-IMAM SYAFIE-

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974 - 2024

# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN



KOMPLEKS SUKAN UiTM PERLIS

# PERANCANGAN STRATEGIK 2024
*PERPUSTAKAAN UITM*

## PEMBUDAYAAN ILMU

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGIC GOAL** | **UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED** | | | | | | | | |
| **STRATEGIC THRUSTS** | **QUALITY EDUCATION** | | | **GLOBAL EXCELLENT** | | **VALUE DRIVEN PERFORMANCE** | | | |
| **STRATEGIC THEMES** | EDUCATION 5.0 | ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE | WIDENED ACCESS | TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION | INDUSTRY, COMMUNITY & ALLUMNI SMART PARTNERSHIP | TALENT EXCELLENT | AGILE GOVERNANCE | SMART CAMPUS | SUSTAINABLE FUNDING |

| | Quality Education | Global Excellent | Value Driven Performance |
|---|---|---|---|
| **7** PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | **KPI 1:** Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti<br>**KPI 2:** Bilangan Rekod Penting Universiti<br>**KPI 3:** Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk | **KPI 4:** Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi<br>**KPI 5:** Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu | **KPI 6:** Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital<br>**KPI 7:** Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM |
| **13** PETUNJUK PRESTASI (PI)<br>**PERPUSTAKAAN UiTM** | **PI 1:** Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti<br>**PI 2:** Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab<br>**PI 3 :** Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti<br>**PI 4 :** Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan<br>**PI 5 :** Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM<br>**PI 6 :** Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan | **PI 7 :** Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi<br>**PI 8 :** Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan<br>**PI 9 :** Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat<br>**PI 10 :** Bilangan Penglibatan Alumni UiTM | **PI 11 :** Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM<br>**PI 12 :** Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan<br>**PI 13 :** Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja |

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

**19** **Staf Keseluruhan**

**4** **Staf Profesional**
1 Timbalan Ketua Pustakawan
1 Pustakawan Kanan
2 Pustakawan



**15** **Staf Pelaksana**
1 Pembantu Pustakawan Tertinggi
9 Pembantu Pustakawan Kanan
4 Pembantu Pustakawan
1 Pembantu Khidmat Am

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
## *STAF BAHARU*

**1 Mac 2024 - Lapor Diri**

PDJH telah menerima seorang staf baharu, Muhammad Azri Bin Rodzi yang bertugas sebagai Pembantu Pustakawan, di Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan bermula 1 Mac 2024. Penempatan pertama beliau di PDJH ialah di bawah Unit Pengurusan Perpustakaan.

Kehadiran beliau disambut baik oleh seluruh warga perpustakaan, dengan harapan agar beliau dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan dedikasi.

Dengan pengalaman dan semangat yang dimiliki, beliau dijangka dapat menyumbang kepada peningkatan mutu perkhidmatan perpustakaan, sekaligus menyokong usaha universiti dalam memacu kecemerlangan akademik dan penyelidikan.



## PENGURUSAN LATIHAN STAF

### Peratusan Staf Mencapai 42 Jam Latihan




### Peratusan Mengikut Kompetensi



# PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI







**5 Ogos 2024** : Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis telah menerima seramai 4 orang pelajar latihan industri bagi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan dari UiTM Cawangan Kedah. Pelajar - pelajar ini menjalankan latihan industri bermula dari bulan Ogos 2024 hingga Januari 2025.

# PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI







**5 Ogos 2024** : Perpustakaan Dato’ Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis telah menerima seramai 4 orang pelajar latihan industri bagi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan dari UiTM Cawangan Kedah. Pelajar - pelajar ini menjalankan latihan industri bermula dari bulan Ogos 2024 hingga Januari 2025.

# PENGURUSAN KEWANGAN

**RM30,000**

**PERUNTUKAN**
BUKU/SURATKHABAR/MAJALAH

**RM25,315.52**

**PERBELANJAAN**
BUKU/SURATKHABAR/MAJALAH

**RM2,182.60**

**PENJANAAN PENDAPATAN**
SUMBANGAN WANG TUNAI /
DENDA LEWAT PEMULANGAN BUKU /
SEWAAN RUANG

# KEMUDAHAN
# *PERPUSTAKAAN DATO JAAFAR HASSAN*

| KEMUDAHAN | BILANGAN |
|---|---|
| MAKMAL KOMPUTER | 2 |
| BILIK SEMINAR | 1 |
| MAKMAL SEBAGUNA | 1 |
| BILIK PERBINCANGAN | 3 |
| BILIK 16 JAM | 1 |
| BILIK KUBIKEL | 12 |

## AUDIT AKREDITASI








**14-15 Februari 2024 - Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh oleh Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) bagi program Diploma Kimia Perindustrian (AS115)**

**Panel Penilai yang terlibat**:
Prof Ts. Chm. Dr. Ahmad Zuhairi Abdullah
Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner Abidin
Puan Nurhafiza Samsudin

# AUDIT AKREDITASI










**20-21 Mac 2024 - Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh oleh Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) bagi program:**

Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Pengkomputeran Netsentrik (CDCS251)
Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Rangkaian Komputer (CDCS255)
Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) (CDCS240)

# AUDIT AKREDITASI






**10 - 11 Jun 2024 - Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh bagi program Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik (Kepujian) (AP220)**

PDJH telah menerima lawatan daripada panel audit akreditasi daripada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) yang terdiri daripada:

i) Dr. Norhadija Darwin Pensyarah Kanan, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

ii) Sr Mohd Farid Al Azmi Isahak (Pengarah Ukur Seksyen, Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Kadaster Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM),

dan turut disertai oleh:

Wakil Pengajian Sains Geomatik dan Sumber Alam UiTM Shah Alam:

i) Prof Madya Sr Ts Gs Dr Khairul Nizam Tahar

ii) Dr. Nafisah Khalid

# AUDIT EKSA













**22 November 2024 - Lawatan Panel Audit EKSA**

Perpustakaan Dato Jaafar Hassan (PDJH) telah menyertai Pertandingan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) 2024 bagi Kategori Pejabat anjuran Unit Kualiti, UiTM Cawangan Perlis. Puan Nur Hayati Abdul Satar selaku pegawai bertanggungjawab bersama semua staf PDJH telah bersama-sama bergotong-royong mengemaskini sudut maklumat EKSA, mencipta sudut kitar semula. dan mengemas ruang kerja di bangunan PDJH 2.

Penyertaan ini mencerminkan komitmen PDJH terhadap prinsip EKSA seperti kebersihan, inovasi, dan kelestarian, selain memupuk kesedaran tentang kepentingan pengurusan ruang kerja yang berkualiti.

Di pertandingan ini, PDJH telah mendapat hadiah saguhati yang diumumkan pada Hari Inovasi dan Majlis Penghargaan Staf UiTM Cawangan Perlis pada 31 Disember 2024.

## BELASUNGKAWA




**15 Mei 2024 - Staf Meninggal Dunia**

Warga Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah kehilangan seorang kakitangan berjawatan Pembantu Operasi iaitu Encik Nor Rizam Bin Salleh pada 15 Mei 2024 yang lalu. Beliau telah menyumbang khidmat baktinya di Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan bermula dari tahun 2017.

Al-Fatihah.







**13 Disember 2024 - VICE 2024**

Kumpulan PDJH Crew II telah mengharumkan nama PDJH kerana telah berjaya mendapat tempat kedua dalam VICE 2024 (Kategori Pentadbiran) dengan projek yang bertajuk Star APP : Shelving Task Reporting Application. PDJH Crew II diwakili oleh Khairil Izwan Bin Hassan (Pustakawan), Muhammad Nasrul Na'im Bin Haslin (Pembantu Pustakawan Kanan), Asneezam Bin Ahmad (Pembantu Pustakawan Kanan) dan Muhammad Azri Bin Rodzi (Pembantu Pustakawan).

# SYABAS & TAHNIAH



**31 Disember 2024 - Tahniah!**

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan) kerana telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UiTM Cawangan Perlis 2023 dan Anugerah Staf Harapan Pentadbiran (Wanita) UiTM Cawangan Perlis 2024 yang telah diterima beliau pada Hari Inovasi dan Majlis Penghargaan Staf UiTM Cawangan Perlis pada 31 Disember 2024 bertempat di Dewan Sri Semarak, UiTM Cawangan Perlis.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin semangat kepada beliau dan staf PDJH untuk terus menyumbang kepada kecemerlangan universiti. Anda adalah inspirasi kami semua!

"ILMU ITU LEBIH BAIK DARI KEKAYAAN, KARENA KEKAYAAN ITU HARUS DIJAGA, SEDANGKAN ILMU MENJAGA KAMU".

-ALI BIN ABI THALIB-

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974 - 2024

# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI



TASIK ILHAM UITM PERLIS

# PERBELANJAAN PEROLEHAN
## *SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI*

| BAHAN SUMBER RUJUKAN | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|
| BUKU | 30,000 | 21,497.74 |
| MAJALAH | | 350.58 |
| SURATKHABAR | | 3,228.20 |

## **PEROLEHAN BAHAN** *SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI*

**SURATKHABAR**

**1445**

**HARTA INTELEK**

**518**

**BUKU SILIBUS / RUJUKAN**

**70**

**KOLEKSI NICHE (HARUMANIS)**

**101**

**BUKU WAKAF**

**157**

# NICHE COLLECTION *HARUMANIS*

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah membangunkan *NICHE COLLECTION* berkenaan mangga Harumanis yang boleh diakses secara maya melalui Portal *Local Content*. Pengguna Perpustakaan UiTM boleh mendapatkan maklumat berkaitan mangga harumanis dalam pelbagai kategori seperti artikel, video, buku, dan beberapa format bahan lain yang diambil dari pelbagai organisasi dalam negara. Sehingga Tahun 2025, terdapat sebanyak 212 bahan berkenaan mangga harumanis yang boleh dirujuk di repositori *Local Content*.



"BUKAN ILMU YANG SEHARUSNYA MENDATANGIMU, TAPI KAMU YANG SEHARUSNYA MENDATANGI ILMU."

-IMAM MALIK-

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974 - 2024

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN




LAMAN WOODBALL UiTM PERLIS

# KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT *(INFORMATION LITERACY CLASS)*

**Kelas Kemahiran Maklumat (Information Literacy Class)**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah menganjurkan 66 sesi Kelas Bimbingan Teknik Pencarian Maklumat sepanjang tahun ini, melibatkan 2,385 peserta dari pelbagai fakulti dan program pengajian. Program ini bertujuan untuk memperkasa kemahiran penyelidikan dan penyediaan tugasan akademik dengan menyediakan latihan mendalam mengenai teknik pencarian maklumat yang berkesan.

Peserta diperkenalkan kepada perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan, selain didedahkan kepada pelbagai sumber maklumat berkualiti, terutamanya sumber berwasit. Latihan praktikal dalam penggunaan perisian pengurusan rujukan seperti Mendeley dan EndNote turut diberikan bagi membantu pengurusan sumber rujukan penyelidikan.

Dengan 12 modul komprehensif, program ini menyokong pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan dengan menyediakan ilmu dan kemahiran yang kritikal. Kelas dijalankan secara bersemuka atau atas talian melalui platform seperti Google Classroom, Google Meet, Webex, dan aplikasi lain yang sesuai, memastikan akses fleksibel dan efektif kepada semua peserta.

**Modul yang disediakan:**

LSC100: Introduction to Library System
LSC101: Introduction to Electronic Resources
LSC102: Online Database for Literature
LSC200: Advanced Literature Search (SCOPUS)
LSC201: Advanced Literature Search (WOS)
LMS300: Library Management Software (ENDNOTE)
LMS301: Library Management Software (MENDELEY)
LMS302: Easy Write With Microsoft Word
LSA400: Publication Ethics & Publishing Tools
LSA401: Open Access for Scholarly Publication
LSA402: Google Scholar & Google Drive






## KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT (*INFORMATION LITERACY CLASS*)










# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

Pada tahun ini, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah berjaya menganjurkan 9 sesi Sesi Libat Urus Bersama Fakulti (Meet & Greet) yang melibatkan 7 fakulti di UiTM Cawangan Perlis dengan penyertaan seramai 147 peserta. Inisiatif ini bukan sekadar pertemuan, tetapi satu strategi dinamik untuk memperkukuh kerjasama strategik antara perpustakaan dan fakulti dalam menyokong kecemerlangan akademik dan penyelidikan.

Melalui sesi ini, maklum balas dan cadangan bernilai telah dikumpulkan, membolehkan perpustakaan mengadaptasi perkhidmatan secara lebih proaktif dan relevan dengan keperluan akademik. Program ini juga menjadi pemangkin kepada komunikasi dua hala yang lebih efektif, sekaligus memperkukuh ekosistem pembelajaran holistik di UiTM Cawangan Perlis.

**9 Sesi**

**147 Peserta**

# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

**Sesi Libat Urus bersama Fakulti Sains Gunaan, 8 Mac 2024**














# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

**Sesi Libat Urus bersama Kolej Pengajian Alam Bina, 24 April 2024**
















# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

## Sesi Libat Urus bersama Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, 26 Jun 2024















## SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

**Sesi Libat Urus bersama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, 27 Jun 2024**


















# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

## Sesi Libat Urus bersama Akademi Pengajian Bahasa, 21 Ogos 2024















## SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

**Sesi Libat Urus bersama Fakulti Peladangan dan Agroteknologi, 26 Ogos 2024**














# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

## Sesi Libat Urus PDJH bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), 4 Oktober 2024















# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

**Sesi Libat Urus PDJH bersama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, 13 November 2024**














# SESI LIBAT URUS BERSAMA FAKULTI (*MEET & GREET*)

**Sesi Libat Urus PDJH bersama Fakulti Perakaunan, 19 Disember 2024**















# KERJASAMA PENGAJARAN *(COLLABORATIVE TEACHING)*

Program “Collaborative Teaching” atau Kerjasama Pengajaran melibatkan tenaga pengajar dari kalangan Pustakawan PDJH sebagai rakan industri untuk memudahcara pengajaran, mendidik, membimbing, dan melatih pelajar dalam memperkasa pembelajaran kendiri. Fokus utama program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pencarian maklumat serta menyediakan rujukan yang berkualiti dalam pembelajaran dan penyelidikan.

Sepanjang tahun ini, program ini telah berjaya menganjurkan 4 sesi dengan penyertaan seramai 64 peserta. Selain memperkukuh kolaborasi antara pustakawan, pensyarah, dan pelajar, program ini juga menyokong usaha dalam menjalankan penyelidikan serta penghasilan artikel akademik, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kecemerlangan akademik di UiTM Cawangan Perlis.

**4**
**Sesi**

**64**
**Peserta**

# KERJASAMA PENGAJARAN
# *(COLLABORATIVE TEACHING)*

11 January 2024

Cite it Right with APA Citation

Anjuran Bersama PDJH dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi










# **KERJASAMA PENGAJARAN** *(COLLABORATIVE TEACHING)*

12 January 2024

Cite it Right with APA Citation

Anjuran Bersama PDJH dan Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik









# KERJASAMA PENGAJARAN
# *(COLLABORATIVE TEACHING)*

Mendeley & Thesis Formating Workshop, 17 Januari 2024
Anjuran Bersama PDJH dan Pusat Pengajian Siswazah















# KERJASAMA PENGAJARAN
# *(COLLABORATIVE TEACHING)*

4 Jun 2024

Cite it Right with APA Citation

Anjuran Bersama PDJH dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi














# ORIENTASI PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah mengadakan 5 sesi taklimat berkaitan perkhidmatan, kemudahan, koleksi, dan fasiliti perpustakaan kepada pelajar baharu serta staf fakulti, dengan penyertaan seramai 1,697 peserta. Taklimat ini dijalankan mengikut sesi pengambilan baharu bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan awal mengenai peranan perpustakaan dalam menyokong pembelajaran dan penyelidikan mereka.
Sesi taklimat ini dijalankan secara bersemuka atau atas talian melalui Google Meet, Webex, serta aplikasi lain yang bersesuaian, memberikan fleksibiliti kepada peserta untuk mengakses maklumat dengan lebih mudah dan efektif.

**5**
**Sesi**

**1697**
**Peserta**

# ORIENTASI PERPUSTAKAAN















# KHIDMAT NASIHAT DAN RUJUKAN

Menawarkan perkhidmatan khidmat nasihat dan rujukan yang merangkumi pelajar, kakitangan akademik & kakitangan pentadbiran UiTM. Melalui perkhidmatan ini, pengguna perpustakaan boleh mengajukan isu-isu yang dihadapi ketika menggunakan perpustakaan kepada Pustakawan yang bertugas dan mendapatkan bimbingan pencarian bahan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan secara bersemuka, telefon, e-mel, faks, live chat dan lain-lain. Soalan-soalan rujukan akan direkodkan di dalam Reference Desk Management System (RDMS) atau dicatat di dalam Borang Soalan Khidmat Nasihat dan Rujukan sekiranya ada gangguan teknikal pada sistem RDMS tersebut.

**Media Sosial**
**200**

**Chat With Librarian**
**19**

**RDMS**
**66**

**Emel**
**60**

# SOKONGAN PENYELIDIKAN

- Aktiviti sokongan penyelidikan merangkumi semua kategori pelajar, kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran.
- Proses semakan validasi rekod penerbitan universiti ke dalam sistem penerbitan.
- Perkhidmatan konsultasi penyelidikan PhD Clinic@PTAR.
- Kerja memuatnaik artikel dan input metadata Jurnal UiTM ke dalam sistem MyJurnal dan Input data H-Index Institutional dan Author ke dalam sistem iPRISMa dan perkhidmatan konsultasi sokongan penyelidikan (citation, h-index, impact factors).
- Aktiviti semakan jurnal berindeks untuk menghadiri konferensi dan verifikasi profil penerbitan bagi kakitangan UiTM untuk kenaikan pangkat serta perkhidmatan Data Bibliometrik universiti dan Faktor Impak dan
- Pengendalian Latihan/Program Bimbingan Sokongan Penyelidikan bersama penerbit/ Webinars bersama penyelidik.









# PROGRAM BIMBINGAN SOKONGAN PENYELIDIKAN

**Cite it Right with APA Citation,12 Januari 2024**

Anjuran bersama PDJH dan Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik








## PROGRAM BIMBINGAN SOKONGAN PENYELIDIKAN

**Mendeley & Thesis Formating Workshop, 17 Januari 2024**

Anjuran Bersama PDJH dan Pusat Pengajian Siswazah















# SEMAKAN VERIFIKASI REKOD PENERBITAN DI SISTEM PENERBITAN UNIVERSITI (PRIMe)

Perlaksanaan Proses Pendaftaran dan Validasi Penerbitan di dalam Sistem Penerbitan Universiti Teknologi MARA telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2021. Perpustakaan Tun Abdul Razak berperanan sebagai Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Data Penerbitan (Koordinator PTAR-PRIMe) bagi melaksanakan proses Semakan dan Verifikasi Penerbitan di Sistem Penerbitan Universiti. Koordinator PTAR-PRIMe adalah staf yang dilantik secara rasmi yang meliputi seluruh kampus cawangan Universiti Teknologi MARA. Cik Nor Azrina Kasim adalah koordinator PRIMe bagi UiTM Cawangan Perlis.



# SEMAKAN VERIFIKASI REKOD PENERBITAN DI SISTEM PENERBITAN UNIVERSITI (PRIMe)

**PENCAPAIAN INPUT DATA & PEMILIKAN PROFIL PENYELIDIK, H-INDEX INSTITUTIONAL KE DALAM SISTEM PENGURUSAN PENERBITAN PTAR**

- **Google Scholar** 79.94%
- **Scopus** 60.47%
- **Web of Science** 55.75%

| | |
|---|---|
| PENDAFTARAN PENERBIT UITM CAWANGAN PERLIS | 1,563 |
| VALIDASI PENERBITAN UITM CAWANGAN PERLIS | 1,476 |

# PEMBUDAYAAN ILMU
# *PROGRAM SIARAN LANGSUNG (LIVE)*




**5 Mac 2024 - Program Siaran Langsung (Live) Khidmat Rundigan e - Filing 2023: Strategi Elak Cukai Berlebihan**

Anjuran Bersama: Fakulti Perakaunan, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cawangan Perlis.

Siaran langsung ini berlintas langsung di Ruang LCE perpustaakan dan telah ditonton secara langsung melalui platform media sosial *facebook Faculty of Accountancy, Perlis Branch* dan *YouTube* Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan.

Panel: Encik Mohd Azhar bin Haidir, Eksekutif Hasil, LHDN Cawangan Kangar, Perlis

Moderator : Puan Nor Hashimah Abdul Wahid, Pensyarah Kanan, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Perlis

## PEMBUDAYAAN ILMU
### *1 STAF 1 BUKU*

Program 1 Staf 1 Buku telah dilaksanakan sejak tahun 2023 dan diteruskan pada tahun 2024 dengan matlamat untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan warga Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH). Program ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri staf, tetapi juga berperanan dalam mengeratkan hubungan silaturahim sesama warga perpustakaan. Sepanjang tahun ini, 7 sesi telah berjaya dianjurkan dengan penyertaan seramai 92 peserta. Dalam program ini, setiap staf memilih bahan bacaan mengikut minat masing-masing, kemudian menerjemahkan intipati bahan bacaan tersebut melalui penyampaian secara bersemuka kepada semua warga PDJH. Program ini terus menjadi platform yang berkesan dalam membudayakan ilmu dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan staf perpustakaan.

**7**
**Sesi**

**92**
**Peserta**

# PEMBUDAYAAN ILMU
*1 STAF 1 BUKU*


















# PEMBUDAYAAN ILMU
## *1 STAF 1 BUKU*















**PEMBUDAYAAN ILMU**

*BENGKEL PENGAWAS PUSAT SUMBER SEKOLAH*














**18 Julai 2024 - Bengkel Pengawas Pusat Sumber Sekolah**

Bengkel ini adalah anjuran bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hussien, Arau, Perlis. Seramai 42 orang pelajar telah menyertai program ini bertempat di Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan. Antara modul di dalam bengkel ini ialah literasi maklumat, pemprosesan teknikal bahan bacaan perpustakaan dan teknik pencarian koleksi perpustakaan. Bengkel ini dilaksanakan oleh semua Pustakawan beserta staf pelaksana Perpustakaan Dato Jaafar Hassan.

## **PEMBUDAYAAN ILMU**
## *BACAAN PANTAS (SPEED READING)*

Program ini merupakan salah satu program berkala yang dilaksanakan dengan objektif untuk memberikan peluang kepada warga kampus mempelajari teknik bacaan pantas, meningkatkan keyakinan diri ketika membaca, serta memupuk minat membaca.

Sepanjang tahun ini, 5 sesi telah berjaya dianjurkan dengan penyertaan seramai 72 peserta. Penganjuran program ini mencerminkan komitmen Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) dalam menyokong pembelajaran berterusan dalam kalangan warga UiTM serta masyarakat sekitarnya.

Program ini dikendalikan oleh staf PDJH yang telah dilantik sebagai fasilitator, membimbing peserta dalam menguasai teknik bacaan pantas yang lebih efektif dan berkesan.






# PEMBUDAYAAN ILMU
## *BACAAN PANTAS (SPEED READING)*









**16 Julai 2024 - Speed Reading Workshop @PDJH**

Cik Nor Azrina Kasim, Pustakawan telah mengendalikan Bengkel Bacaan Pantas (*Speed Reading*) kepada semua staf PDJH bertempat di Makmal Komputer PDJH 2. Program yang berlangsung selama 2 jam ini bertujuan mendedahkan semua staf PDJH mengenai teknik-teknik bacaan pantas yang boleh diaplikasikan dalam urusan kerja harian.

# PEMBUDAYAAN ILMU
## *BACAAN PANTAS (SPEED READING)*














**19 Ogos 2024 - Speed Reading @ Pejabat Rektor**

Encik Khairil Izwan Hassan, Pustakawan dibantu oleh 2 orang Pembantu Pustakawan iaitu Puan Nur Farahanim Abdull Jamal & Puan Siti Nur Shuhada Hairol Nizam telah melaksanakan program Bacaan Pantas (*Speed Reading*) kepada semua staf Pejabat Rektor UiTM Perlis bertempat di Makmal Komputer PDJH 2.

# PEMBUDAYAAN ILMU
## *BACAAN PANTAS (SPEED READING)*









**29 Ogos 2024 - Speed Reading @Unit Ladang**

Encik Khairil Izwan Hassan, Pustakawan dibantu oleh 1 orang Pembantu Pustakawan Kanan iaitu Puan Masyina Mashor dan 2 orang Pembantu Pustakawan iaitu Puan Nur Farahanim Abdull Jamal & Puan Siti Nur Shuhada Hairol Nizam telah melaksanakan program Bacaan Pantas (*Speed Reading*) kepada semua staf Unit Ladang UiTM Perlis bertempat di Makmal Komputer PDJH 2.

# PEMBUDAYAAN ILMU
## *BACAAN PANTAS (SPEED READING)*









**24 Oktober 2024 - Speed Reading @RCDCS110 3A**

Dikendalikan oleh Encik Khairil Izwan Hasan, Pustakawan dan dibantu oleh seorang Pembantu Pustakawan Kanan iaitu Puan Masyina Mashor, dan dua orang Pembantu Pustakawan iaitu Puan Nur Farahanim Abdull Jamal dan Puan Siti Nur Shuhada Hairol Nizam. Program ini dihadiri oleh 28 orang pelajar dari Kolej Perkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Perlis.

# PEMBUDAYAAN ILMU
## *BACAAN PANTAS (SPEED READING)*














**13 Disember 2024 - Speed Reading @RBA0031F**

Puan Masyina Mashor, Pembantu Pustakawan Kanan yang dibantu oleh pelajar Latihan Industri telah berkongsi teknik dan strategi bacaan pantas kepada pelajar dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan.

# PEMBUDAYAAN ILMU
## *SESI SANTAI ILMU*

Bermula pada bulan Julai 2024, Perpustakaan Dato’ Jaafar Hassan dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Perlis telah berjaya menganjurkan 12 sesi Santai Ilmu dengan penyertaan seramai 346 peserta. Program ini menampilkan wakil dari pelbagai bahagian dalam kampus untuk berkongsi ilmu bersama warga kampus, sekaligus memperkukuhkan budaya ilmu dalam kalangan kakitangan pentadbiran. Setiap sesi mengetengahkan topik menarik berkaitan proses kerja dalam sesebuah bahagian, yang bukan sahaja memberi pendedahan kepada peserta tetapi juga mendapat sambutan yang memberangsangkan. Penganjuran program ini telah berjaya memupuk semangat kolaborasi dan mempererat kerjasama antara jabatan, selaras dengan usaha UiTM dalam membangunkan ekosistem kerja yang lebih dinamik dan berinformasi.






# PEMBUDAYAAN ILMU
## *SESI SANTAI ILMU*

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Perlis telah menganjurkan siri Sesi Santai Ilmu 2024 bagi memperkasakan ilmu dalam kalangan staf dan warga kampus.

Sebanyak 13 siri sesi telah diadakan sepanjang tahun, merangkumi pelbagai topik seperti pentadbiran, kewangan, kebajikan pelajar, serta kesihatan.
Program ini mendapat sambutan menggalakkan dan menyediakan platform interaktif untuk perkongsian ilmu serta perbincangan mendalam.

Kerjasama ini membuktikan kepentingan sinergi antara jabatan dalam meningkatkan profesionalisme warga UiTM. Sesi Santai Ilmu akan diteruskan bagi menyokong budaya pembelajaran berterusan di UiTM Cawangan Perlis.












# PEMBUDAYAAN ILMU
*SESI SANTAI ILMU*
























# **PEMBUDAYAAN ILMU**
## *BENGKEL PENGGUNAAN PAPER MACHINE & MENDELEY*















**25 September 2024**

Objektif penganjuran Bengkel ini adalah untuk:

1. Memperkenalkan inisiatif Paper Machine dan Software Mendeley kepada warga UiTM Cawangan Perlis
2. Memberi pemahaman mendalam mengenai kegunaan dan faedah inisiatif ini dalam meningkatkan penyelidikan dan penulisan di kalangan staf UiTM.
3. Memberi latihan praktikal mengenai penggunaan Paper Machine dan Mendeley

**PEMBUDAYAAN ILMU**

*BENGKEL PENGKATALOGAN BAHAN PERPUSTAKAAN*








**25 September 2024**

Penceramah, Puan Nur Hayati Abdul Satar (Pustakawan Kanan) telah memberikan pendedahan yang mendalam mengenai proses kerja pengkatalogan bahan perpustakaan. Peserta bengkel yang terlibat terdiri daripada semua staf PDJH. Bengkel ini disambut baik oleh semua staf kerana ia dapat memberi pengetahuan yang jelas mengenai proses-proses teknikal pengkatalogan bahan di dalam perpustakaan.

# PAMERAN PERKHIDMATAN







**15-16 Oktober 2024**

**Pameran Perkhidmatan sempena Karnival Geomatik, UiTM Cawangan Perlis**

Sempena karnival ini, PDJH telah membuat pameran perkhidmatan dengan memberi pendedahan kepada pelawat-pelawat *kiosk* PDJH mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh PDJH serta membawa koleksi buku bagi Kolej Pengajian Alam Bina yang boleh dipinjam oleh warga fakulti tersebut. Cenderahati PDJH juga disedaiakan kepada pengunjung *kiosk* PDJH.

# PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA
# *LIBRARY TOUR*









**LIBRARY TOUR – KNOW YOUR LIBRARY**

Perlis, 23 Oktober 2024 – Seramai 30 pelajar Pra Diploma UiTM Cawangan Perlis, di bawah bimbingan Dr. Razlina Razali, telah menyertai program Library Tour: Know Your Library di Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH). Program yang diadakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris ini terdiri daripada taklimat perpustakaan dan lawatan sekitar PDJH. Peserta diperkenalkan dengan latar belakang perpustakaan, fasiliti, dan perkhidmatan yang disediakan. Pihak PDJH mengucapkan terima kasih kepada Dr. Razlina dan pelajar yang terlibat, dengan harapan program ini dapat meningkatkan kesedaran pelajar mengenai peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu.

## PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA
## *FUNDAMENTAL OF INFORMATION LITERACY*









**25 Oktober 2024**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah mengadakan *Fundamental of Information Literacy Programme* melibatkan pelajar Pra Diploma UiTM Cawangan Perlis.

Program yang bermula pada jam 8.30 pagi ini memberi pendedahan tentang perkhidmatan perpustakaan, cara pencarian maklumat, akses sumber elektronik langganan PTAR, dan lawatan ke ruang perpustakaan.

# PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA
# *FUNDAMENTAL OF INFORMATION LITERACY*














**11 November 2024 - Pelajar Pra Diploma**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah mengadakan *Fundamental of Information Literacy Programme* pada 11 November 2024 yang lalu untuk pelajar Pra Diploma UiTM Cawangan Perlis.

Program ini memberi pendedahan mengenai perkhidmatan dan koleksi perpustakaan, cara pencarian maklumat, serta panduan mengakses sumber elektronik PTAR. Pelajar juga diberi peluang melawat ruang-ruang di dalam perpustakaan.

# PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA
# *FUNDAMENTAL OF INFORMATION LITERACY*









**11 November 2024 - Pelajar Diploma**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah mengadakan *Fundamental of Information Literacy Programme* untuk pelajar Diploma UiTM Cawangan Perlis. Cik Nor Azrina Kasim dibantu oleh Encik Abd Aziz Zainol telah memberi taklimat ringkas dan seterusnya membawa pelajar-palajar ini melawat kemudahan dan koleksi yang disediakan di perpustakaan.

# PDJH OPEN DAY 2024















**3-4 Disember 2024**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah menganjurkan PDJH Open Day selama dua hari dengan menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti tayangan filem, derma darah, kuiz, *e-sport tournament*, *explorace*, dan kempen kitar semula. Acara kemuncak adalah Majlis Perasmian Penutup yang disempurnakan oleh Rektor UiTM Perlis, Prof. Madya Dr. Ahmad Nizan Mat Noor, diikuti dengan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan. Lebih RM1,700 hadiah telah diagihkan kepada peserta bertuah.

Terima kasih atas sokongan semua dalam menjayakan program ini! PDJH Open Day 2024 berjaya mengukuhkan peranan PDJH sebagai pusat ilmu dan komuniti.

# BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL PRJ & PTRJ









**11 Disember 2024**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH)telah menganjurkan "Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail PRJ & PTRJ" pada 10 dan 11 Disember 2024 di Makmal Komputer PDJH 1 dan 2. Program berlangsung selama 2 hari dari 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Bengkel ini bertujuan memperkasakan pengurusan rekod melalui pembangunan klasifikasi fail yang sistematik dan pematuhan piawaian rekod. Cik Nor Azrina Kasim, Pustakawan Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, berkongsi ilmu pengurusan rekod dan amalan terbaik. Peserta yang terdiri daripada kakitangan UiTM diberikan pendedahan teori serta latihan praktikal bagi memastikan aplikasi ilmu dalam tugasan harian. Program ini diharap dapat meningkatkan kecekapan pengurusan dokumen di UiTM Cawangan Perlis serta menyokong usaha institusi mengekalkan amalan pengurusan rekod berkualiti tinggi.

# MyKM TOUR

**Program MyKM Tour** merupakan inisiatif oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk memperkenalkan dan mempromosikan MyKM Portal, platform perpustakaan digital yang komprehensif, kepada residen kolej kediaman UiTM. Objektif utama program ini adalah:

- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan residen kolej kediaman UiTM terhadap manfaat MyKM Portal sebagai sumber rujukan akademik.
- Membekalkan panduan penggunaan portal secara terperinci bagi memudahkan capaian kepada koleksi bahan digital.
- Meningkatkan tahap literasi maklumat dan keberkesanan penggunaan MyKM Portal dalam kalangan pelajar.

Program ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti sesi taklimat, demonstrasi portal, dan latihan hands-on untuk memastikan peserta memahami fungsi serta ciri portal dengan baik. Kejayaan program ini dapat dilihat melalui peningkatan statistik penggunaan MyKM Portal serta maklum balas positif daripada peserta yang menyatakan kemudahan dan keberkesanan portal dalam menyokong keperluan pembelajaran mereka.

Sebagai salah satu komponen strategik Perpustakaan Tun Abdul Razak dalam memperkasakan akses kepada sumber maklumat digital, MyKM Tour mencerminkan komitmen perpustakaan UiTM dalam menyokong agenda pembelajaran dan penyelidikan universiti secara menyeluruh.






# MyKM TOUR @KOLEJ DAHLIA 3




**12 Disember 2024**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH), UiTM Cawangan Perlis, telah menganjurkan program "MyKM Tour @Kolej Dahlia 2" secara dalam talian melalui platform Webex pada 12 Disember 2024 (Khamis), jam 11:00 malam. Program ini bertujuan memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan dan penggunaan platform MyKM kepada penghuni Kolej Dahlia 2 dan membantu mereka dalam pembelajaran dan penyelidikan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen PDJH untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan perpustakaan dan teknologi digital dalam kalangan pelajar.

# MyKM TOUR @KOLEJ DAHLIA 3




**17 Disember 2024**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH), UiTM Cawangan Perlis telah berjaya menganjurkan program "MyKM Tour @Kolej Dahlia 3" secara dalam talian melalui platform Webex. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan kepada pelajar UiTM, khususnya penghuni Kolej Dahlia 3. Menurut maklum balas peserta, program ini sangat informatif dan membantu mereka memahami fungsi MyKM dengan lebih baik.

# MyKM TOUR @KOMPLEKS KESINAI




**18 Disember 2024**

Program ini bertujuan memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan dan penggunaan platform MyKM kepada penghuni Kompleks Kesinai. Ia dikendalikan oleh Cik Nor Azrina Kasim, Pustakawan PDJH, bersama Cik Nurul Hanis Syahirah Mohammad Hafidzh, Pelajar Latihan Industri PDJH.

Sepanjang sesi, peserta diberi panduan tentang ciri MyKM serta cara memanfaatkan sumber digital. Program ini mendapat sambutan positif, membantu peserta memahami fungsi perpustakaan secara lebih baik.

PDJH terus komited meningkatkan akses dan penggunaan perkhidmatan perpustakaan melalui program inovatif seperti ini.




**19 Disember 2024**

Program ini bertujuan memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan dan penggunaan platform MyKM kepada penghuni Kolej Dahlia 1. Ia dikendalikan oleh Cik Nor Azrina Kasim, Pustakawan PDJH, bersama Mohamad Daniel Hakim Abdullah, Pelajar Latihan Industri PDJH.

# MyKM TOUR @KOLEJ CENGAL




**30 Disember 2024**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) telah menganjurkan program "MyKM Tour @Kolej Cengal 5 , 6, 7" secara dalam talian melalui Webex pada 30 Disember 2024, jam 11:00 malam.

Program ini telah dikendalikan oleh Encik Khairil Izwan Hassan, Pustakawan PDJH.

Peserta diberikan penerangan tentang cara memanfaatkan MyKM dalam pembelajaran dan penyelidikan, dan program ini mendapat maklum balas positif daripada para pelajar.

# KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PEWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2024/2025










**18 Disember 2024**

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Pewakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Perlis Sesi 2024/2025 di Makmal Komputer PDJH 2, jam 3.30 petang.

Kunjungan ini bertujuan mengeratkan hubungan antara PDJH dan MPP serta membuka peluang kolaborasi untuk memperkasa perkhidmatan perpustakaan. Barisan MPP turut berkongsi maklum balas dan aspirasi mereka demi memperbaiki kemudahan perpustakaan.

PDJH merakamkan penghargaan atas kunjungan ini dan berharap jalinan kerjasama dapat diteruskan untuk manfaat komuniti kampus. Tahniah dan selamat maju jaya kepada MPP Sesi 2024/2025!

"JIKA SEORANG MENCARI ILMU, MAKA ITU AKAN TAMPAK DI WAJAH, TANGAN, DAN LIDAHNYA SERTA DALAM KERENDAHAN HATINYA KEPADA ALLAH."

-HASAN AL-BASHRI-

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974 - 2024

# PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN



TUGU KERIS BANGUNAN HEP UiTM PERLIS

# MY KNOWLEDGE MANAGEMENT




MyKM Versi Terkini ini dibangunkan dengan tujuan:

- Penambahbaikan paparan yang berkonsepkan visual
- Penstrukturan semula menu-menu utama dan sub-menu
- Tambahan fungsi Personal Learning Network (PLN) iaitu satu platform rangkaian jaringan pembelajaran secara peribadi yang membolehkan pelajar dan ahli akademik berdiskusi dan berkongsi idea disokong dengan rujukan yang terbaharu dalam kelompok kursus/program yang diikuti semasa pengajian.

- MyKM Versi Terkini yang dibangunkan ini lengkap dengan integrasi data yang mana sumber rujukan silibus pembelajaran yang ada di perpustakaan telah dibuat pemetaan (mapping) mengikut subjek yang telah didaftarkan oleh pelajar bagi setiap semester.

# BILANGAN MUAT NAIK BAHAN HARTA INTELEK

| Kategori | Bilangan |
|---|---|
| ARTIKEL | 121 |
| BAHAGIAN BUKU | 138 |
| MONOGRAF | 286 |
| PROJEK PELAJAR | 64 |
| SUMBER PENGAJARAN | 187 |
| TESIS | 14 |

# BILANGAN PENGGUNA LAMAN WEB PERPUSTAKAAN




| TAHUN | JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEP | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2024 | 9022 | 3166 | 2894 | 8054 | 7042 | 7377 | 34897 | 4455 | 6500 | 25527 | 17009 | 7385 |

# BILANGAN PENGGUNA MOBILE APP




| TAHUN | JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEP | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2024 | 151 | 48 | 72 | 99 | 105 | 54 | 185 | 36 | 90 | 173 | 257 | 215 |

"RAIHLAH ILMU, DAN UNTUK MERAIH ILMU BELAJARLAH UNTUK TENANG DAN SABAR."

-KHALIFAH UMAR-

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974 - 2024

# REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI



FESTIVAL HARUMANIS UITM PERLIS

# PELANTIKAN PENGURUS REKOD

Pelantikan Pengurus Rekod di seluruh Pusat Tanggungjawab adalah penting bagi kelancaran proses di dalam Sistem Pengurusan Rekod.

Pelantikan Pengurus Rekod adalah seperti berikut:

**Menguruskan Rekod Terperingkat**

1. Pegawai Pengelas
2. Pendaftar Rahsia

**Menguruskan Rekod Terbuka**

1. Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)
2. Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ)




| KATEGORI | JUMLAH LANTIKAN |
|---|---|
| PEGAWAI PENGELAS | 0 |
| PENDAFTAR RAHSIA | 0 |
| PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) | 16 |
| PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ) | 28 |

# SESI LIBAT URUS ARKIB

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan melalui Unit Arkib telah menganjurkan 9 sesi Sesi Libat Urus Arkib bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan penyertaan seramai 136 peserta. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai pengurusan fail dan rekod dalam kalangan PTJ serta memperkukuhkan fungsi Unit Arkib di UiTM Cawangan Perlis.

Objektif utama sesi ini adalah untuk:

- Memberi kefahaman dalam tugas-tugas mengendalikan fail dan rekod.
- Mendedahkan fungsi Unit Arkib kepada PTJ.
- Mempromosikan perkhidmatan rekod dan arkib kepada PTJ.
- Menyediakan khidmat nasihat kepada PTJ mengenai pengurusan rekod dan arkib.
- Mendapatkan maklum balas dan keperluan maklumat daripada pengguna untuk penambahbaikan perkhidmatan Unit Arkib.

Sesi ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah membantu memperkukuhkan pengurusan rekod dan arkib yang lebih sistematik serta memudahkan akses maklumat di UiTM Cawangan Perlis.






# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
## *UNIT- UNIT DI BAWAH PEJABAT REKTOR*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Unit- Unit di bawah Pejabat Rektor, 5 Mac 2024**















# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
# *BAHAGIAN INFOSTRUKTUR*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Infostruktur, 5 Mac 2024**















# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
## *BAHAGIAN PENTADBIRAN*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Pentadbiran, 24 April 2024**














# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB *PEJABAT BENDAHARI*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Pejabat Bendahari, 24 April 2024**














# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
## *BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Hal Ehwal Akademik, 23 Ogos 2024**














# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
## *BAHAGIAN PEMBANGUNAN FASILITI*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Pembangunan Fasiliti, 27 Ogos 2024**














# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
## *BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, 27 Ogos 2024**















# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
## *BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN*

**Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni dan Keusahawanan, 24 September 2024**















# BENGKEL PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD

**Dengan Kerjasama Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Perlis**

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mewujudkan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) UiTM Cawangan sebagai persediaan menghadapi sebarang bentuk ancaman bencana dan kecemasan terhadap rekod. Penyediaan PTBR ini juga adalah selaras dengan Panduan Pengurusan Pejabat Bil. 5 Tahun 2007 dan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629).














# PAMERAN IMBAS KENANGAN 50 TAHUN UiTM CAWANGAN PERLIS *SEMARAK RAYA*













**30 April 2024 – Pameran Imbas Kenangan 50 Tahun UiTM Cawangan Perlis**

Pameran ini diadakan bersempena Program Semarak Raya UiTM Cawangan Perlis yang bertemakan Raya ITM Arau @ 1974, bertempat di Dewan Seri Semarak, UiTM Cawangan Perlis. Antara bahan yang dipamerkan adalah gambar- gambar kawasan sekitar UiTM, gambar- gambar aktiviti serta peralatan pejabat seperti mesin taip, disket dan lain- lain lagi.

# PAMERAN IMBAS KENANGAN 50 TAHUN UiTM CAWANGAN PERLIS
## *FESTIVAL HARUMANIS*








**19-21 Mei 2024**
**Pameran Imbas Kenangan 50 Tahun UiTM Cawangan Perlis**

Di adakan bersempena FESTIVAL HARUMANIS anjuran UiTM Cawangan Perlis. Lokasi pameran adalah bertempat di Tasik Elham, UiTM Cawangan Perlis. Antara bahan yang dipamerkan adalah gambar-gambar kawasan sekitar UiTM, gambar-gambar aktiviti & dan lain-lain gambar yang memberikan kenangan selama 50 tahun penubuhan UiTM. Selain itu, terdapat juga keratan akhbar berkaitan harumanis dipamerkan untuk tatapan pengunjung.

# PAMERAN IMBAS KENANGAN 50 TAHUN UiTM CAWANGAN PERLIS
## *EKSPO SELANGKAH KE UITM*







**5-6 Jun 2024**

**Pameran Imbas Kenangan 50 Tahun UiTM Cawangan Perlis**

Pameran ini diadakan bersempena acara Ekspo Selangkah Ke UiTM, bertempat di Dewan Seri Semarak, UiTM Cawangan Perlis. Antara bahan yang dipamerkan adalah gambar-gambar kawasan sekitar UiTM, gambar- gambar aktiviti & dan lain-lain gambar yang memberikan kenangan selama 50 tahun penubuhan UiTM.

# PAMERAN IMBAS KENANGAN
## *SAMBUTAN JUBLI EMAS UiTM CAWANGAN PERLIS*








**5 - 31 Julai 2024**
**Pameran@PDJH: Imbas Kenangan Sempena Sambutan Kemuncak Jubli Emas, UiTM Cawangan Perlis**

Pameran ini diadakan bersempena Sambutan Kemuncak Jubli Emas UiTM Cawangan Perlis dan telah dipamerkan di Aras 3 bangunan PDJH2.

Bahan-bahan pameran yang dipamerkan terdiri daripada peralatan pejabat yang digunakan oleh warga kampus pada ketika dahulu seperti mesin taip, dan sebagainya. Koleksi gambar yang dipamerkan pula terdiri daripada gambar-gambar peristiwa yang berlaku sejak wujudnya kampus UITM Arau ini.

# PAMERAN IMBAS KENANGAN 50 TAHUN UiTM CAWANGAN PERLIS
## *KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA PERINGKAT NEGERI PERLIS*








**20-21 Oktober 2024**
**Pameran 50 Tahun UiTM Cawangan Perlis Sempena Karnival Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Perlis**

Pameran 50 tahun UiTM Cawangan Perlis ini telah dilaksanakan oleh Unit Arkib, Perpustakaan Dato Jaafar Hassan sempena Karnival Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Perlis. Karnival ini berlangsung selama 2 hari iaitu pada 20 Oktober hingga 21 Oktober 2024 di Dewan Seri Semarak, UiTM Cawangan Perlis. Di karnival ni, terdapat pelbagai agensi luar yang telah turut sama membuat pameran seperti PDRM, sekolah sekitar Perlis, Jabatan Pertanian Negeri Perlis dan lain-lain agensi.

# BENGKEL ASAS PENJILIDAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ARKIB ANTARABANGSA

**Dengan Kerjasama Kolej Pengajian Alam Bina UiTM Cawangan Perlis, 12 Jun 2024**

Tujuan Bengkel ini diadakan adalah untuk:

- Memberi pendedahan kepada peserta berkenaan asas penjilidan
- Memberi tunjuk ajar kepada peserta untuk mempelajari proses penjilidan yang mudah













# MEMORI UiTM CAWANGAN PERLIS

Memori UiTM Cawangan Perlis merupakan satu penerbitan yang merekodkan peristiwa penting UiTM Cawangan Perlis yang dihasilkan oleh Unit Arkib, PDJH. Terdapat 7 edisi memori UiTM Cawangan Perlis yang telah dihasilkan dan boleh diakses melalui laman web Perpustakaan Dato Jaafar Hassan.




Edisi Januari

Edisi Mac

Edisi April

Edisi Febuari

Edisi Mei

Edisi Jun

Edisi Khas Julai

# TATACARA PERMOHONAN PENJILIDAN DI UNIT ARKIB, PDJH

Unit Arkib PDJH seringkali menerima permohonan penjilidan daripada bahagian-bahagian dalam kampus UiTM Cawangan Perlis, di antaranya ialah permohonan membuat *simple binding*, memotong bahan, *laminating* dan membuat folder. Tatacara permohonan penjilidan telah dibuat supaya urusan permohonan dapat dibuat dengan mudah dan diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.






**TATACARA PERMOHONAN PENJILIDAN**

**UNIT ARKIB, PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN, UITM CAWANGAN PERLIS KAMPUS ARAU**

***HARDCOVER BINDING***

1. Penghantaran dokumen perlulah dibuat 3 hari sebelum tarikh yang dikehendaki.
2. Proses kerja mengambil masa antara 3 hari bekerja
3. Serahan dan pengambilan dokumen adalah di **KAUNTER PERPUSTAKAAN PDJH 2 (En Basir bin Bakar/ Cik Nur Farahanim Abdull Jamal)**

***SIMPLE BINDING*, POTONG BAHAN & *LAMINATING***

1. Penghantaran dokumen hanya boleh dibuat daripada pukul 9.00 pagi sehingga 12.00 tengahari
2. Pengambilan dokumen yang diserahkan adalah pada sebelah petang sekiranya telah siap.
3. Sila bawa kelengkapan sendiri bagi tujuan melakukan simple binding, laminating dan sebagainya
4. Pihak perpustakaan hanya menyediakan perkhidmatan untuk menyiapkan binding dokumen sahaja
5. Serahan dan pengambilan dokumen adalah di **KAUNTER PERPUSTAKAAN PDJH 2 ( En Basir bin Bakar/ Cik Nur Farahanim Abdull Jamal)**

**FOLDER KONVOKESYEN & M.O.U**

1. Mohon Jawatankuasa yang terlibat memberikan bahan yang ingin dijilid sekurang- kurangnya 5 hari sebelum dokumen diperlukan
2. Makluman awal diperlukan untuk memudahkan staf jilid menyediakan bahan dan menghasilkan dokumen dengan kemas
3. Serahan dan pengambilan dokumen adalah di **KAUNTER PERPUSTAKAAN PDJH 2 (En Basir bin Bakar/ Cik Nur Farahanim Abdull Jamal)**

****SERAHAN/ PENGAMBILAN DOKUMEN TERUS KE BILIK JILID, PDJH TIDAK AKAN DILAYAN.**

*****hanya tugasan rasmi sahaja dibenarkan untuk menggunakan perkhidmatan penjilidan di UNIT ARKIB, PDJH***

**Sebarang pertanyaan boleh hubungi:**

**Unit Arkib:** 04 988 2059

**Whatsapp Business:** [illegible]

**Chat With Librarian:** [illegible]

*Kemaskini pada: 21 Disember 2022*

"ILMU AKAN MENGHIDUPKAN JIWA."

- ALI BIN ABI THALIB

SAMBUTAN JUBLI EMAS 50TAHUN UiTM CAWANGAN PERLIS 1974 - 2024

# LAWATAN



# LAWATAN
## *SMK DATO' KAMARUDDIN, BATU KURAU, PERAK*










**5 Jun 2024**

Seramai 40 orang pelajar tingkatan 6 beserta 4 orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Kamaruddin telah menyertai lawatan ini. Lawatan ini adalah salah satu program di bawah Ekspo Selangkah ke UiTM yang diadakan di Dewan Seri Semarak UiTM Cawangan Perlis. Dalam lawatan ini, peserta telah didedahkan dengan maklumat berkaitan koleksi, perkhidmatan dan fasiliti perpustakaan serta peserta dibawa melawat sekitar bangunan perpustakaan.

# LAWATAN
## *SEKOLAH KE PERPUSTAKAAN DATO JAAFAR HAASAN*

| TARIKH | SEKOLAH | JUMLAH |
|---|---|---|
| 25 APRIL 2024 | SMK SYED MOHAMED AL-BUKHARY, ALOR SETAR, KEDAH | 109 ORANG PELAJAR DAN 17 ORANG GURU |
| 19 MEI 2024 | SMK ARAU DAN SMK SYED SIRAJUDDIN, PERLIS | 50 ORANG PELAJAR BESERTA 2 ORANG GURU |
| 6 JUN 2024 | SMK TENGKU BUDRIAH, ARAU, PERLIS | 40 ORANG PELAJAR 2 ORANG GURU |
| 6 JUN 2024 | SMK PADANG BESAR UTARA DAN SMK BESERI, PERLIS | 80 ORANG PELAJAR 3 ORANG GURU |
| 15 OKTOBER 2024 | SEKOLAH MENENGAH SEKITAR NEGERI PERLIS | 60 ORANG PELAJAR |
| 16 OKTOBER 2024 | SEKOLAH MENENGAH AGAMA DARIL IKTISAM, KUALA NERANG, KEDAH | 35 ORANG PELAJAR DAN 5 ORANG GURU |
| 18 DISEMBER 2024 | SEKOLAH AGAMA MENENGAH PASIR PANJANG, SEKINCHAN, SELANGOR | 40 ORANG PELAJAR DAN 4 ORANG GURU |








ALLAH-LAH YANG MENCIPTAKAN TUJUH LANGIT DAN SEPERTI ITU PULA BUMI. PERINTAH ALLAH BERLAKU PADANYA, AGAR KAMU MENGETAHUI BAHWASANYA ALLAH MAHA KUASA ATAS SEGALA SESUATU, DAN SESUNGGUHNYA ALLAH ILMU-NYA BENAR-BENAR MELIPUTI SEGALA SESUATU.

SURAH AT-THALAQ- AYAT 12

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974 - 2024

# KOLABORASI



# PAMERAN SENI FOTOGRAFI "REFLECTION"













**Hasil Karya En Jasni Hashim, Ketua Jurutera, Jabatan Pembangunan Universiti Malaysia Perlis**

Unit Arkib, Perpustakaan Dato Jaafar Hassan dengan kerjasama Perpustakaan Tuanku Faizuddin Putra, Universiti Malaysia Perlis telah menganjurkan Pameran Seni Fotografi "Reflection" bermula 10 Jun sehingga 19 Julai 2024. Bahan pameran ini adalah hasil karya En Jasni Hashim, Ketua Jurutera, Jabatan Pembangunan Universiti Malaysia Perlis dan juga merupakan jurugambar bebas. Pameran ini telah dibuat di ruang lobi Perpustakaan Dato Jaafar Hassan 2. Gambar-gambar hasil karya beliau berkisarkan tempat-tempat menarik di sekitar negeri Perlis yang bertemakan "Reflection".

# PROGRAM PERCAMBAHAN MINDA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMASARAN PERNIAGAAN












**20 September 2024**

Program Percambahan Minda Pengurusan Kewangan dan Pemasaran Perniagaan - Anjuran Bersama Perpustakaan Dato Jaafar Hassan UiTM Cawangan Perlis & Amanah Ikhtiar Malaysia Shah Alam, Selangor.

BACALAH DENGAN (MENYEBUT) NAMA TUHANMU YANG MENCIPTAKAN. DIA TELAH MENCIPTAKAN MANUSIA DARI SEGUMPAL DARAH. BACALAH, DAN TUHANMULAH YANG MAHA PEMURAH, YANG MENGAJAR (MANUSIA) DENGAN PERANTARAAN QALAM. DIA MENGAJARKAN KEPADA MANUSIA APA YANG TIDAK DIKETAHUINYA.

SURAH AL ALAQ- AYAT 1-5

SAMBUTAN JUBLI EMAS
50TAHUN
UiTM CAWANGAN PERLIS
1974 - 2024

# PENERBITAN



# POSTER
# *NEW ARRIVAL*
























# POSTER
# *PDJH PICK E-BOOK*
























لَيْسَ العِلْمُ مَا حُفِظَ، إِنَّمَا العِلْمُ مَا تَفَعَ

ILMU ITU BUKAN YANG DIHAFAL, TETAPI YANG MEMBERI MANFAAT

- IMAM SYAFIE-

SAMBUTAN JUBLI EMAS 50TAHUN UiTM CAWANGAN PERLIS 1974 - 2024

# AKTIVITI STAF



# PROGRAM SEMARAK QURBAN UITM CAWANGAN PERLIS 2024









**19 Jun 2024 - Program Semarak Qurban UiTM Cawangan Perlis 2024**
Program ini diadakan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha yang melibatkan lebih kurang 50 orang sukarelawan termasuk staf PDJH iaitu Encik Mohd Fahizan Hamid selaku Pengarah Program, Encik Khairil Izwan Hassan dan Encik Mohd Mohsim Othman.

# KUIZ TRIVIA JUBLI EMAS UiTM CAWANGAN PERLIS











**27 Jun 2024 - Pusingan Akhir Kuiz Trivia Jubli Emas**

Program ini diadakan bersempena sambutan Jubli Emas 50 tahun UiTM Cawangan Perlis dan telah berlangsung di Dewan Kuliah 6, Kompleks Star, UiTM Cawangan Perlis. Kuiz Trivia Jubli Emas ini telah disertai oleh Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan) dan telah berjaya memenangi hadiah utama kategori staf dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM150.

# KEJOHANAN SUKAN UTARA STAF UiTM (KeSUTRA) 2024

**29 Jun 2024 - KeSUTRA 2024**

Hari Kejohanan Sukan Utara Staf UiTM (KeSUTRA) ini telah disertai oleh Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan) dan Puan Masyina Mashor (Pembantu Pustakawan Kanan).




Pada kejohanan ini, Cik Nor Azrina Kasim adalah salah seorang wakil pemain pasukan Pingpong bagi UiTM Cawangan Perlis dan pasukannya telah mendapat Naib Johan bagi pertandingan ini.




Puan Masyina Mashor sebagai Pengurus Pasukan Bola Tampar bagi UiTM Cawangan Perlis dan pasukan di bawah pengurusan beliau telah berjaya mendpat Naib Johan dalam kejohanan ini.

# MAJLIS HI TEA KEMUNCAK SAMBUTAN JUBLI EMAS UITM CAWANGAN PERLIS








**5 Julai 2024 - Majlis Hi Tea Kemuncak Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Perlis**

Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran YBhg Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib Naib Canselor UiTM, pengurusan kanan universiti, mantan-mantan Rektor, ketua-ketua agensi, para pesara, alumni, wakil badan kepimpinan pelajar serta warga UiTM Cawangan Perlis.

Pada majlis ini, Puan Masyina Mashor telah menyertai persembahan koir bersama barisan staf dari bahagain-bahagian di kampus ini.

# PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN ANTARA PILIHAN REKTOR DAN PILIHAN PELAJAR SEMPENA SAMBUTAN KEMUNCAK JUBLI EMAS UITM CAWANGAN PERLIS









**5 Julai 2024**

Perlawanan persahabatan ini telah disertai oleh pihak pengurusan eksekutif dan staf dari beberapa bahagian di UiTM Cawangan Perlis beserta barisan wakil pelajar. En. Mohd Fahizan Hamid (Timbalan Ketua Pustakawan) telah menyertai perlawanan ini dan keputusan berkesudahan dengan kemenangan kepada Pilihan Rektor dengan jumlah jaringan 5, dan Pilihan Pelajar 3.

# PROGRAM PERSEMBAHAN MAAL HIJRAH








**6 Ogos 2024**

Seramai 7 orang staf dan 4 orang pelajar Latihan Industri Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah menyertai Program Persembahan Maal Hijrah anjuran Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Perlis.

Pada program ini, wakil kumpulan PDJH telah membuat persembahan sajak dan nasyid dan telah mendapat hadiah wang saguhati. Program ini julung kali diadakan dan mendapat sambutan yang amat positif dari seluruh banagian dan fakulti-fakulti di dalam kampus UiTM Cawangan Perlis.

# UNIFITNESS EXPLORE RACE JUBLI EMAS UITM PERLIS










**14 Ogos 2024**

Sebanyak16 pasukan yang terdiri daripada staf pentadbiran dan staf akademik di UiTM Cawangan Perlis telah menyertai program ini. Kumpulan Speed Warrior telah mewakili Perpustakaan Dato Jaafar Hassan sebagai salah satu peserta dalam pertandingan ini. Program ini dibuat sebagai salah satu aktiviti sempena sambutan Jubli Emas UiTM Perlis. Aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Sukan UiTM Cawangan Perlis ini mendapat sambutan yang menggalakkkan di samping dapat mengeratkan silaturahim di kalangan warga kampus.

# KUNJUNGAN HORMAT WAKIL PENGURUSAN PDJH KE INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) KAMPUS PERLIS









**2 September 2024**

Wakil pengurusan PDJH diketuai oleh iaitu Encik Mohd Fahizan Hamid (Timbalan Ketua Pustakawan) bersama 2 orang Pustakawan dan 1 orang Pembantu Pustakawan Tertinggi telah melakukan kunjungan hormat ke Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perlis pada 2 September yang lalu. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk berbincang mengenai kerjasama yang boleh dibuat di antara PDJH dan warga IPG seperti membuat program Speed Reading dan program-program lain yang bersesuaian. Ketua Pusat Sumber IPG Perlis, Puan Anis Suzila dan Pengarah IPG Perlis, Encik Amran bin Mahadi menyambut baik kedatangan kami dan menyokong sepenuhnya jalinan kerjasama yang akan dibuat pada masa akan datang.

# BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL







**3-4 September 2024**

Bertempat di PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, dua orang wakil staf PDJH iaitu Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan) dan Puan Siti Nur Shuhada Hairol Nizam (Pembantu Pustakawan) bersama 6 orang lagi wakil Pembantu Tdbir Rekod Jabatan kampus UiTM Cawangan Perlis telah menghadiri Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail anjuran bersama perpustakaan UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Objektif utama bengkel ini adalah untuk membangunkan semula sistem klasifikasi fail yang akan digunapakai di seluruh sistem UiTM semalaysia.

# KARNIVAL SUKAN PEWANI SEMALAYSIA 2024









**8-11 September 2024**

Seramai 5 orang staf PDJH telah menyertai Karnival Sukan Pewani Semalaysia yang telah berlangsung di UiTM Cawangan Perlis bermula 8 sehingga 11 September 2024. Puan Nur Hayati Abdul Satar, Cik Nor Azrina Kasim, Puan Masyina Mashor, Puan Nur Farahanim Abdull Jamal dan Puan Siti Nur Shuhada Hairol Nizam telah menyertai karnival ini sebagai AJK dan pemain sukan.

# LAWATAN PENANDA ARAS KE PENANG DIGITAL LIBRARY









**26 September 2024**

Warga Perpustakaan Dato Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis telah mengadakan lawatan penanda aras ke Penang Digital Library (PDL), Georgetown, Pulau Pinang pada 26 September yang lalu. Delegasi kami disambut oleh wakil PDL iaitu Puan Jaasmeenaah dan beberapa wakil staf yang lain. Kami telah diberi taklimat dan lawatan ke seluruh bangunan perpustakaan ini.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempelajari amalan terbaik dalam pengurusan perpustakaan digital, meningkatkan inovasi dalam perkhidmatan, serta memperkukuh kerjasama antara perpustakaan untuk menyediakan sumber maklumat yang lebih berkesan kepada pengguna.

# TEAMBUILDING UITM PERLIS











**Perlis, 27 Oktober 2024 –** Muhammad Azri Bin Rodzi (Pembantu Pustakawan) PDJH telah menyertai Program Teambuilding UiTM Perlis pada 26 dan 27 Oktober 2024 bertempat di dua lokasi iaitu di UiTM Cawangan Perlis &Tasoh Lake Resort. Program anjuran Bahagian Pentadbiran dengan kerjasama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi ini menampilkan aktiviti seperti *explorace*, *dodgeball*, kayak, dan *rope course* yang bertujuan memperkukuh kerjasama dan komunikasi peserta. Penglibatan PDJH mencerminkan sokongan terhadap usaha UiTM memperkasa budaya kerja berpasukan yang dinamik dan efektif.

لَيْسَ العِلْمُ مَا حُفِظَ، إِنَّمَا العِلْمُ مَا نَفَعَ

ILMU ITU BUKAN YANG DIHAFAL, TETAPI YANG MEMBERI MANFAAT

- IMAM SYAFIE-

# KERATAN MEDIA



# ARTIKEL - DEWAN KOSMIK




BERITA

## Pelajar SMK Dato' Kamaruddin Melawat Perpustakaan Digital di UiTM Cawangan Perlis

Oleh Sharir Aizat Kamaruddin • 11 Jun 2024, 08:40

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram** Langgan Sekarang

**Arau** – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis menerima lawatan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Kamaruddin, Batu Kurau, Perak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan inisiatif perkhidmatan perpustakaan digital dan aplikasi teknologi maklumat yang disediakan kepada warga UiTM.

Lawatan yang disertai oleh 40 orang pelajar tingkatan enam dan empat orang guru pengiring itu merupakan sebahagian daripada program Kembara Ilmu anjuran Pusat Tingkatan Enam, SMK Dato' Kamaruddin ke Pulau Langkawi dan UiTM Cawangan Perlis.






Semasa sesi lawatan itu, para peserta dibawa ke Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) dan mendengar perkongsian daripada Pustakawan PDJH, Puan Nor Azrina Kasim mengenai pendigitalan koleksi perpustakaan UiTM.

# ARTIKEL - DEWAN BUDAYA




## Pameran Fotografi Reflection Tonjol Pesona Negeri Perlis

Oleh Sharir Aizat Kamaruddin • 29 Julai 2024, 10:27

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui Telegram
Langgan Sekarang

**Arau** – Unit Arkib Perpustakaan Dato Jaafar Hassan (PDJH), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis (UiTM Cawangan Perlis) dengan kerjasama Perpustakaan Tuanku Faizuddin Putra, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan Pameran Seni Fotografi Reflection.

Pameran fotografi ini berlangsung dari 10 Jun 2024 dan melabuhkan tirainya pada 19 Julai 2024, bertempat di Aras Bawah PDJH 2 dari pukul 8.30 pagi hingga pukul 4.45 petang.




Bahan-bahan pameran fotografi telah disediakan oleh Ketua Jurutera Jabatan Pembangunan, UniMAP, Encik Jasni Hashim yang mempunyai minat mendalam tentang seni fotografi berkaitan alam semula jadi. Beliau merupakan johan bagi pertandingan fotografi bersempena dengan sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.




e ISSN 3093-8422
9 773093 842000

**Perpustakaan Dato’ Jaafar Hassan**


- Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan , UiTM Cawangan Perlis, 02600 Arau, Perlis
- Tel: 04-988 2064
- Emel: korporatpdjh@uitm.edu.my
- Web:https://library.uitm.edu.my/en/perlis